



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**JABATAN BENDAHARI**

ARAS 3, BLOK UTARA,  
BANGUNAN CANSELORI,  
JALAN UMS, 88400 KOTA KINABALU  
SABAH, MALAYSIA.

Tel : + 6088-320 000 samb. 1041 / 1043  
Faks : + 6088-320 235  
E-mel : pabenums@ums.edu.my

No. Ruj : UMS/BEN3.2.1/100-1/7/3 JILID 4 ( 11 )

Tarikh : 18 Ogos 2017

## **PEKELILING BENDAHARI**

Semua Dekan Fakulti/Pusat

Semua Pengarah Institut/Jabatan

Semua Ketua Unit

Semua Pemegang Waran Pusat Tanggungjawab

### **PEKELILING BENDAHARI BIL. 3 TAHUN 2017**

#### **PELAKSANAAN CUKAI PEGANGAN DI UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

#### **1.0 TUJUAN**

Pekeliling ini adalah bertujuan untuk menjelaskan pelaksanaan Cukai Pegangan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 dan Pekeliling Kerajaan yang berkuatkuasa:

#### **2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Pihak Pengurusan Universiti Malaysia Sabah pada 10 Jun 2016 telah mengambil maklum mengenai pelaksanaan Cukai Pegangan yang dikuatkuasakan di Malaysia sejak tahun 1967.
- 2.2 Menurut Akta Cukai Pendapatan 1967, UMS perlu memegang sebahagian bayaran apabila penerima bukan pemastautin telah melaksanakan perkhidmatannya dan meremitkan sebahagian bayaran yang dipegang tersebut kepada LHDN. Cukai pegangan merupakan satu kaedah untuk penerima bukan pemastautin membayar cukai di Malaysia.
- 2.3 Dalam erti kata lain, Cukai Pegangan ialah satu amaun yang dipegang oleh pembayar terhadap pendapatan yang diterima oleh penerima bukan pemastautin (individu/badan selain individu) dan dibayar kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN) mengikut kadar yang ditetapkan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) atau Perjanjian Pengelakan Percukaian Dua Kali (PPPDK).

### 3.0 TAFSIRAN

3.1 Tafsiran berdasarkan Akta Cukai Pendapatan 1967 adalah seperti berikut:

3.1.1. Penerima Bukan Pemastautin adalah terdiri daripada:

- (a) "Individu" bererti Individu berada di Malaysia kurang daripada 182 hari.
- (b) "Syarikat" bererti Pengurusan dan kawalan tidak dilaksanakan di Malaysia (Contoh: Mesyuarat Lembaga Pengarah tidak diadakan di Malaysia sekurang-kurangnya setahun sekali).

3.1.2. Pembayar:

"Pembayar" bererti merujuk kepada individu/syarikat yang menjalankan perniagaan di Malaysia dan perlu meremitkan cukai pegangan terhadap sebarang bentuk bayaran perkhidmatan/khidmat nasihat/sewa harta mudah alih/royalti/faedah/kontrak yang diterima oleh penerima tidak bermastautin. Dalam hal ini, UMS adalah sebagai 'Pembayar'.

### 4.0 TARIKH BAYARAN CUKAI KEPADA KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI

4.1 UMS hendaklah membayar cukai pegangan kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri dalam **tempoh 1 (satu) bulan** selepas tarikh bayaran kepada penerima bukan bermastautin. [rujuk **Contoh 1** di Lampiran A]

4.2 Tarikh dibayar kepada penerima bukan pemastautin adalah bermaksud seperti berikut [rujuk **Contoh 2** di Lampiran A]

- (a) Apabila wang telah dikreditkan dalam akaun bank orang bukan pemastautin;
- (b) Tarikh UMS mengkontrakkan amaun pemiutang dan amaun penghutang dalam lejer; atau
- (c) Tarikh di mana penerima telah menerima bayaran dan boleh menggunakan dan memanfaatkan duit tersebut.

### 5.0 JENIS-JENIS CUKAI PEGANGAN DI UMS

5.1 Bayaran adalah tertakluk kepada jenis cukai pegangan dan kadar cukai pegangan ke atas penerima bukan pemastautin seperti berikut:

| Bil | Jenis Bayaran                                                                         | Seksyen | Kadar Cukai* Pegangan |
|-----|---------------------------------------------------------------------------------------|---------|-----------------------|
| 1   | Pendapatan Tertentu Kelas Khas:<br>(i) Bayaran teknikal,<br>(ii) Bayaran Perkhidmatan | S109B   | 10%                   |

| Bil | Jenis Bayaran                                         | Seksyen | Kadar Cukai* Pegangan |
|-----|-------------------------------------------------------|---------|-----------------------|
|     | (iii) Sewa/bayaran untuk menggunakan harta boleh alih |         |                       |
| 2   | Bayaran Kontrak                                       | S107A   | 13%                   |
| 3   | Royalti                                               | S109    | 10%                   |
| 4   | Pendapatan Seniman Kembara Tidak Bermastautin         | S109A   | 15%                   |
| 5   | Pendapatan di bawah seksyen 4(f) ACP 1967             | S109F   | 10%                   |

\* Nota:

- (a) Sekiranya kadar istimewa Perjanjian Pengelakan Percukaian Dua Kali (PPPDK) terpakai, UMS hendaklah mendapatkan surat pengesahan status pemastautin penerima daripada pihak berkuasa Hasil Negara berkenaan untuk dikemukakan kepada LHDN.
- (b) Kadar PPPDK boleh dirujuk di laman web Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia <http://www.hasil.gov.my>

## 5.2 PENDAPATAN TERTENTU KELAS KHAS (SEKSYEN 109B)

5.2.1 Pembayaran tertentu kelas khas adalah tertakluk kepada cukai pegangan sebanyak **10%** ataupun Perjanjian Pengelakan Percukaian Dua Kali (PPPDK).

5.2.2 Kategori pendapatan tertentu kelas khas:

- (a) Perkhidmatan yang diberikan berkaitan dengan penggunaan atau pemasangan atau pengendalian aset. (Tidak mengira perkhidmatan dilaksanakan di Malaysia atau Luar Negara) [Perenggan 4A(i) ACP 1967]. [rujuk **Contoh 3** seperti di Lampiran A]
- (b) Nasihat teknikal, bantuan atau perkhidmatan yang diberikan berkaitan dengan pengurusan teknikal atau pentadbiran. (Tidak mengira perkhidmatan dilaksanakan di Malaysia atau Luar Negara) [Perenggan 4A(ii) ACP 1967]. [rujuk **Contoh 4** seperti di Lampiran A]
- (c) Sewa atau pembayaran lain bagi penggunaan harta alih. (Tidak mengira perkhidmatan dilaksanakan di Malaysia atau Luar Negara) [Perenggan 4A(iii) ACP 1967]. [rujuk **Contoh 5** seperti di Lampiran A]

## 5.3 KONTRAK (SEKSYEN 107A)

5.3.1 'Bahagian Perkhidmatan di bawah Kontrak' bermaksud apa-apa kerja atau perkhidmatan profesional (ikhtisas) dijalankan atau dilaksanakan di Malaysia berhubung atau berkaitan dengan apa-apa kerja, projek atau skim yang dijalankan di Malaysia.

5.3.2 Semua bayaran kontrak dibuat kepada kontraktor-kontraktor tidak bermastautin berdasarkan perkhidmatan kontrak adalah tertakluk kepada cukai pegangan sebanyak **13%**.



#### 5.4 ROYALTI (SEKSYEN 109)

Royalti adalah tertakluk kepada cukai pegangan sebanyak **10%** dan ditakrifkan sebagai sejumlah bayaran yang dibuat sebagai balasan/pertimbangan bagi penggunaan sesuatu atau hak untuk menggunakan sesuatu:

- (a) Hak cipta, artistik atau kerja-kerja saintifik, ciptaan-ciataan, reka bentuk atau model-model, pelan-pelan, pemprosesan tanda perdagangan atau pita-pita untuk radio atau penerbitan televisyen, filem-filem atau filem wayang gambar atau pita video atau lain-lain bentuk pengeluaran semula di mana filem atau pita telah digunakan atau akan digunakan atau dikeluarkan semula di Malaysia atau lain-lain seperti hak atau harta;
- (b) Kepakaran/'*know-how*' atau maklumat berkaitan teknikal, perindustrian, komersil atau pengetahuan saintifik, pengalaman atau kemahiran (skil);
- (c) Pendapatan yang diperolehi daripada perniagaan apa-apa harta, kepakaran atau maklumat yang dinyatakan seperti yang ditakrifkan di perenggan di atas;
- (d) Penggunaan atau hak untuk menggunakan berkenaan dengan perisian atau hak harta;
- (e) Penerimaan atau hak untuk menerima, imej visual atau bunyi, atau kedua-duanya dihantar kepada orang awam melalui satelit atau kabel, gentian optik atau teknologi serupa;
- (f) Penggunaan atau hak untuk menggunakan, imej visual atau bunyi, atau kedua-duanya, berkaitan dengan penyiaran televisyen atau radio yang disalurkan melalui satelit atau kabel, gentian optik atau teknologi yang serupa;
- (g) Penggunaan atau hak untuk menggunakan, beberapa atau semua bahagian spektrum frekuensi yang dinyatakan dalam lesen yang berkaitan; dan
- (h) Penahanan ('*forbearance*') sepenuhnya atau sebahagian berhubung penggunaan, atau pemberian hak untuk menggunakan, apa-apa perkara di atas.

(rujuk **Contoh 6** di Lampiran A)

#### 5.5 PENDAPATAN SENIMAN KEMBARA BUKAN BERMASTAUTIN (SEKSYEN 109A)

##### 5.5.1 Seniman Kembara bermaksud:

- (a) orang yang mengadakan pertunjukan di atas pentas, artis di radio atau televisyen, pemuzik, ahli sukan atau individu yang menjalankan apa-apa profesion, pertunjukan atau pekerjaan di dalam bidang yang sama iaitu berbentuk hiburan.

- (b) seorang pengacara, model, sarkas pelaku, pensyarah, penceramah, ahli sukan, artis atau individu yang menjalankan apa-apa profesion, kerjaya atau pekerjaan yang serupa individu yang menggunakan intelektual, seni, muzik, kemahiran peribadi atau fizikal atau dalam watak; atau
- (c) Menjalankan apa-apa aktiviti yang berkaitan dengan apa-apa tujuan melalui 'live', cetak, elektronik, satelit, kabel, gentian optik atau medium lain untuk filem atau pita atau untuk televisyen atau siaran radio, mengikut mana-mana yang berkenaan

5.5.2 Mengikut amalan biasa di mana penganjur bagi seniman kembara tidak bermastautin perlu membayar cukai pegangan sebanyak **15%** sebelum permit kebenaran masuk ke Malaysia untuk seniman kembara tidak bermastautin diperolehi daripada pihak Berkuasa Imigresen Malaysia.

#### 5.6 PENDAPATAN DI BAWAH SEKSYEN 4(F) ACP 1967 (SEKSYEN 109F)

5.6.1 Bayaran kepada orang bukan pemastautin berkaitan laba atau keuntungan di bawah perenggan 4(f) ACP 1967 seperti komisen, yuran jaminan dan sebagainya adalah tertakluk kepada cukai pegangan sebanyak **10%**.

5.6.2 Penentuan sama ada sesuatu bayaran kepada orang bukan bermastautin dikategorikan di bawah perenggan 4(f) ACP bergantung kepada fakta dan keadaan setiap kes. Kriteria yang boleh digunakan sebagai panduan untuk menentukan jenis bayaran tersebut ialah:

- (a) Bayaran bersifat hasil dan bukan modal;
- (b) Bayaran bukan pendapatan yang terjatuh dikategorikan di bawah perenggan 4(a) hingga 4(e) dan seksyen 4A ACP;
- (c) Bayaran diterima oleh orang bukan bermastautin adalah bersifat pendapatan pelbagai. Pendapatan sedemikian selalunya bersifat kasual. Pendapatan kasual bermaksud pendapatan sekali-sekala yang diterima di luar perjalanan biasa perdagangan atau pencariannya;
- (d) Bayaran untuk urusanniaga terpencil; dan
- (e) Urus niaga tidak berulang bagi menunjukkan sifat komersil urusanniaga tersebut.

(rujuk **Contoh 7** di Lampiran A)

5.6.3 Keuntungan yang timbul daripada suatu aktiviti di luar perdagangan atau pencarian biasa orang tidak bermastautin tetapi masih merupakan keuntungan atau pendapatan adalah termasuk sebagai pendapatan di bawah perenggan 4(f) ACP sekiranya ia tidak dikategorikan di bawah perenggan 4 (a) hingga 4 (e) dan seksyen 4A ACP.

- 5.6.4 Pendapatan yang diterima boleh dikenakan cukai di bawah perenggan 4(f) ACP tanpa mengambil kira sama ada bayaran dibuat dalam bentuk tunai atau barangan

## 6.0 PENGIRAAN CUKAI PEGANGAN

- 6.1 Cukai pegangan merupakan cukai yang dipotong daripada bayaran kepada penerima bukan pemastautin dan dibayar kepada LHDN. Dalam erti kata lain, cukai pegangan tersebut ditanggung oleh penerima bukan pemastautin. Pengiraan cukai adalah seperti berikut:

|                                                 |                                             |
|-------------------------------------------------|---------------------------------------------|
| Jumlah perkhidmatan                             | RM 20,000.00                                |
| Contoh kadar cukai pegangan                     | 10%                                         |
| Amaun dibayar kepada pembekal bukan pemastautin | $RM20,000.00 \times 90\%$<br>= RM 18,000.00 |
| Amaun dibayar kepada LHDN                       | $RM20,000.00 \times 10\%$<br>= RM 2,000.00  |

- 6.2 Walau bagaimanapun, dalam keadaan di mana cukai pegangan tersebut perlu ditanggung oleh Universiti dan pengiraan adalah seperti berikut:

|                                                 |                                               |
|-------------------------------------------------|-----------------------------------------------|
| Jumlah perkhidmatan                             | RM 20,000.00                                  |
| Contoh kadar cukai pegangan                     | 10%                                           |
| Amaun dibayar kepada pembekal bukan pemastautin | RM20,000.00                                   |
| Jumlah pengkasaran                              | $RM20,000.00 \times 100/90$<br>= RM 22,222.22 |
| Amaun dibayar kepada LHDN                       | $RM 22,222.22 - RM 20,000$<br>= RM 2,222.22   |

- 6.3 Sekiranya mana-mana cukai pegangan tidak dipotong daripada bayaran kepada bukan pemastautin, cukai pegangan tersebut hendaklah ditanggung dengan menggunakan peruntukan asal perbelanjaan.

## 7.0 TANGGUNGJAWAB

- 7.1 Jabatan Bendahari

7.1.1 Sektor Pengurusan Perolehan hendaklah:

- (a) memasukkan klausa cukai pegangan yang berkuatkuasa di Malaysia di dalam tender dokumen perjanjian dan Surat Setuju Terima sekiranya penerima adalah orang bukan pemastautin.
- (b) memaklumkan dan berunding dengan pihak pembekal bahawa cukai pegangan hendaklah ditanggung oleh pihak pembekal.
- (c) melengkapkan borang CP01. (rujuk **Appendix A**)



7.1.2 Sektor Pengurusan Bayaran dan Zon Operasi Kewangan hendaklah memastikan agar bayaran penerima mengambil kira cukai pegangan dan melaporkan kepada Unit Cukai dan Pengurusan GST selewat-lewatnya 7 (tujuh) hari bekerja selepas tarikh bayaran (tarikh *telegraphic transfer*) bersama-sama senarai semak Borang CP01 yang lengkap.

7.1.3 Unit Pengurusan Cukai dan GST hendaklah melaporkan cukai pegangan ke Lembaga Hasil Dalam Negeri dengan kadar segera iaitu selewat-lewatnya sebulan selepas tarikh bayaran (tarikh *telegraphic transfer*).

7.2 Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar hendaklah:

- (a) memasukkan klausa cukai pegangan yang berkuatkuasa di dalam lantikan jemputan/penceramah/ penyelidik/ pensyarah dan seumpamanya dari luar negara.
- (b) berunding bersama jemputan/penceramah/ penyelidik/ pensyarah dan seumpamanya dari luar negara agar cukai pegangan ditanggung oleh jemputan.
- (c) mengambilkira implikasi bajet, kesan daripada kenaikan cukai pegangan ke atas perbelanjaan seperti tiket penerbangan dan penginapan sekiranya cukai pegangan tersebut ditanggung oleh Bahagian Sumber Manusia.
- (d) mengemukakan senarai semak (Borang CP01) yang lengkap seperti di Appendix A sebelum mengemukakan arahan bayaran kepada Sektor Pengurusan Bayaran, Jabatan Bendahari.

7.3 Jabatan/Fakulti/Pusat/Insitut/Unit (JFPIU) hendaklah:

- (a) memasukkan klausa cukai pegangan yang berkuatkuasa seperti yang dinyatakan di dalam **contoh 4** pada Lampiran A.
- (b) berunding bersama jemputan/ pembekal dari luar negara agar cukai pegangan ditanggung oleh jemputan / pembekal.
- (c) Mengambilkira implikasi bajet, kesan daripada kenaikan cukai pegangan ke atas perbelanjaan seperti tiket penerbangan dan penginapan sekiranya cukai pegangan tersebut ditanggung oleh JFPIU.
- (d) mengemukakan senarai semak (Borang CP01) yang lengkap semasa mengemukakan arahan bayaran kepada Zon Operasi Kewangan.

7.4 Tanggungjawab mengenai pelaksanaan cukai pegangan di Universiti Malaysia Sabah boleh dirujuk pada carta alir di **Lampiran B**.

## 8.0 PENGUATKUASAAN

- 8.1 Sekiranya UMS gagal atau lewat membayar cukai pegangan (tidak di dalam tempoh satu bulan selepas tarikh dibayar kepada penerima tidak bermastautin), UMS akan dikenakan kenaikan cukai pegangan sebanyak sepuluh peratus (10%) daripada jumlah cukai pegangan yang masih belum dibayar. (Rujuk **Contoh 8** di Lampiran A).
- 8.2 Kakitangan yang mendahulukan wang untuk membayar bagi pihak penerima bukan pemastautin hendaklah mengemukakan tuntutan selewat-lewatnya 5 hari bekerja selepas tarikh bayaran tersebut dibuat kepada Sektor Pengurusan Bayaran atau Zon Operasi Kewangan.
- 8.3 Sekiranya UMS dikenakan penalti disebabkan kelewatan kakitangan mengemukakan tuntutan maka jumlah kenaikan tersebut adalah dipertanggungjawabkan sepenuhnya kepada kakitangan yang berkenaan.

## 9.0 PEMAKAIAN DAN KUATKUASA PEKELILING

- 9.1 Peraturan dalam pekeliling ini hendaklah dipatuhi sepenuhnya dan mana-mana pegawai yang gagal melaksanakan tanggungjawab seperti yang ditetapkan dalam pekeliling ini, boleh dikenakan surcaj dan/atau tindakan tatatertib.
- 9.2 Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta pada tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**“Bertekad Cemerlang”**

Yang ikhlas,

  
**ZALLIFAH SHADAN**  
Bendahari

s.k

- Y. Brs. Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
- Pendaftar
- Ketua Bahagian Audit Dalam
- Ketua Bahagian/Zon Operasi / Sektor Kewangan Jabatan Bendahari



## 1. CONTOH 1:

| Perkara                                                        | Tarikh dibayar kepada Penerima | Tarikh akhir mesti diremitkan kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri |
|----------------------------------------------------------------|--------------------------------|------------------------------------------------------------------------|
| Bayaran kepada pensyarah jemputan dari Luar Negara             | 15 Januari 2017                | 14 Februari 2017                                                       |
| Bayaran kepada Pembekal Luar Negara untuk perkhidmatan latihan | 27 April 2017                  | 26 Mei 2017                                                            |
| Bayaran kepada Perkhidmatan Pos Luar Negara                    | 11 September 2017              | 10 Oktober 2017                                                        |

## 2. CONTOH 2:

Pensyarah A mendahulukan wangnya untuk membayar pensyarah jemputan Luar Negara pada 16 Februari 2017 dan kemudiannya menuntut semula daripada Jabatan Bendahari pada 21 Mac 2017. Tarikh dibayar kepada penerima bukan pemastautin adalah pada 16 Februari 2017 dan cukai pegangan mesti diremitkan kepada LHDN selewat-lewatnya pada 15 Mac 2017.

## 3. CONTOH 3:

Contoh perkhidmatan yang diberikan berkaitan dengan penggunaan atau pemasangan atau pengendalian aset (Tidak mengira perkhidmatan dilaksanakan di Malaysia atau Luar Negara) [Perenggan 4A(i) ACP 1967]:

- a) Penggunaan hak atau harta yang dimiliki oleh orang yang tidak bermastautin
- b) Pemasangan atau pengendalian mana-mana loji, jentera atau kelengkapan yang dibeli daripada orang yang tidak bermastautin
- c) Menyediakan staf bagi perkhidmatan memberi nasihat atau penyeliaan
- d) Perkhidmatan pemasangan dan urusan mentauliah
- e) Menyediakan perkhidmatan latihan untuk tujuan penggunaan sesuatu perisian milik syarikat bukan pemastautin.
- f) Kos pengangkutan untuk menghantar aset dari Luar Negara ke Malaysia atau dari Luar Negara ke satu Negara yang lain.
- g) dan sebagainya.

*Bagi Contoh 3 (a) dan (b), jika perkara adalah berhubung dengan suatu projek kontrak yang dijalankan melalui sebuah establishmen tetap [di mana suatu Perjanjian Percukaian Dua Kali (PPPDK) atau di mana perniagaan di Malaysia wujud, peruntukan cukai pegangan di bawah **Seksyen 107A**, ACP 1967 adalah terpakai iaitu cukai pegangan adalah sebanyak 10% + 3%. Sebagai contoh, syarikat tidak pemastautin yang mempunyai establishmen tetap/cawangan melebihi 6 bulan di Malaysia.*

**4. CONTOH 4:**

Contoh nasihat teknikal, bantuan atau perkhidmatan yang diberikan berkaitan dengan pengurusan teknikal atau pentadbiran (Tidak mengira perkhidmatan dilaksanakan di Malaysia atau Luar Negara) [Perenggan 4A(ii) ACP 1967]:

- a) Perkhidmatan perundingan.
- b) Perkhidmatan penyelidikan
- c) Perkhidmatan pengurusan dan pemasaran
- d) Perkhidmatan perundangan berkaitan dengan hutang atau peraturan
- e) Perkhidmatan teknikal
- f) Kursus latihan yang direka khas untuk kakitangan/pelajar UMS
- g) Honorarium Penilai Viva daripada Luar Negara untuk menilai Viva pelajar UMS
- h) Perkhidmatan pos di Luar Negara
- i) Perkhidmatan penerbitan jurnal di Luar Negara
- j) Menghadiri persidangan di Luar Negara
- k) dan sebagainya

**5. CONTOH 5:**

Contoh sewa atau pembayaran lain bagi penggunaan harta/aset alih (Tidak mengira perkhidmatan dilaksanakan di Malaysia atau Luar Negara) [Perenggan 4A(iii) ACP 1967]:

- a) Sewaan aset pengajaran
- b) Sewaan komputer
- c) Sewaan bot, kapal, kereta, kapal terbang atau lain-lain peralatan di dalam atau luar Malaysia

**6. PEMBAYARAN GANTI DAN LUAR JANGKA**

Pembayaran ganti dan perbelanjaan luar jangka (selain penginapan hotel) berkaitan dengan perkara Contoh 3, Contoh 4 dan Contoh 5 adalah tertakluk cukai pegangan seperti berikut:

- a) Kos tambang kapal terbang
- b) Perjalanan
- c) Penginapan
- d) Telefon
- e) Caj salinan foto
- f) Perkhidmatan dobi
- g) Makan dan minum

**7. CONTOH 6:**

Contoh royalti yang dibayar kepada orang bukan pemastautin:

- a) Bayaran pangkalan data seperti *e-journals*
- b) Perisian seperti Microsoft dan seumpamanya
- c) Penggunaan muzik atau lagu orang bukan pemastautin
- d) Bayaran untuk menggunakan paten
- e) Dan sebagainya

**8. CONTOH 7:**

Pada bulan Januari 2017, The University of Britain (UOB), syarikat yang tidak bermastautin di Malaysia telah mencari pelajar bagi pihak Universiti Malaysia Sabah (UMS). UMS membayar komisen kepada UOB berdasarkan bilangan pelajar yang telah diperkenalkan UOB kepada UMS. Komisen yang diterima oleh UOB dikategorikan di bawah perenggan 4(f) ACP.

- a) Komisen itu bersifat hasil;
- b) Pendapatan yang diterima The University of Britain bukan aktiviti perniagaan UOB kerana UOB adalah badan yang memberikan perkhidmatan pendidikan.
- c) Pendapatan kasual yang tidak terjatuh di bawah perenggan 4(a) hingga (e) atau seksyen 4A ACP; dan
- d) Dianggap diperoleh dari Malaysia sebab komisen tersebut sebagai perbelanjaan di dalam akaun UMS.

**9. CONTOH 8:**

|                                                                          |                                                   |
|--------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------|
| <b>JUMLAH PERKHIDMATAN</b>                                               | <b>RM 20,000.00</b>                               |
| <b>CONTOH KADAR CUKAI PEGANGAN</b>                                       | <b>10%</b>                                        |
| Tarikh dibayar kepada orang bukan pemastautin                            | 19 JUN 2017                                       |
| Tarikh akhir sepatutnya dibayar kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri | 18 JULAI 2017                                     |
| Tarikh dibayar kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri                  | 1 OGOS 2017 (LEWAT DARIPADA TARIKH 18 JULAI 2017) |
| Amaun dibayar kepada pembekal bukan pemastautin                          | RM 20,000.00 X 90%<br>= RM 18,000.00              |
| Amaun dibayar kepada LHDN                                                | RM 20,000.00 X 10%<br>= RM 2,000.00               |
| Kenaikan (penalti)                                                       | RM 2,000.00 X 10%<br>= RM 200.00                  |




JADUAL 1

| TANGGUNGJAWAB                                        | TINDAKAN                                                                                                                                                                                                                                         |
|------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| JFPIU                                                | 1. JFPIU melengkapkan borang CP01 dan menyediakan dokumen yang diperlukan dalam CP01.                                                                                                                                                            |
| JFPIU                                                | 2. Menghantar ke Zon Operasi Kewangan Bendahari/Bayaran di Jabatan Bendahari.                                                                                                                                                                    |
| Jabatan Bendahari<br>(Zon Operasi Kewangan)          | 3. Zon Operasi Kewangan Bendahari menerima dokumen bayaran beserta borang <b>CP01</b> yang lengkap daripada JFPIU                                                                                                                                |
| Jabatan Bendahari<br>(Zon Operasi Kewangan)          | 4. Menyemak dokumen yang lengkap dan mencukupi<br>(a) Jika lengkap, hantar ke Sektor Bayaran untuk proses bayaran.<br>(b) Jika tidak lengkap, kembalikan dokumen ke JFPIU.                                                                       |
| Jabatan Bendahari<br>(Sektor Bayaran)                | 5. Sektor Bayaran memproses permohonan <i>telegraphic transfer</i> .                                                                                                                                                                             |
| Jabatan Bendahari<br>(Sektor Bayaran)                | 6. Hantar ke Unit Pengurusan Cukai dan GST berserta borang CP01 yang lengkap.                                                                                                                                                                    |
| Jabatan Bendahari<br>(Unit Pengurusan Cukai dan GST) | 7. Menyemak senarai semak borang <b>CP01</b> .<br>(a) Sekiranya lengkap, mendaftarkan nombor cukai pendapatan ke LHDN sekiranya penerima tiada nombor cukai pendapatan Malaysia<br>(b) Jika tidak lengkap, kembalikan dokumen ke Sektor Bayaran. |
| Jabatan Bendahari<br>(Unit Pengurusan Cukai dan GST) | 8. Lengkapkan borang cukai pegangan dan hantar permohonan ke Sektor Bayaran untuk pembayaran melalui cek.                                                                                                                                        |
| Jabatan Bendahari<br>(Unit Pengurusan Cukai dan GST) | 9. Bayar ke Lembaga Hasil Dalam Negeri beserta borang cukai pegangan dan dokumen seperti dalam borang <b>CP01</b> .                                                                                                                              |

# CARTA ALIR PROSES BAYARAN CUKAI PEGANGAN

JFPIU

JABATAN  
BENDAHARIUNIT PENGURUSAN CUKAI DAN  
GST (JABATAN BENDAHARI)

**BORANG SENARAI SEMAK CUKAI PEGANGAN INDIVIDU/SYARIKAT BUKAN PEMASTAUTIN**

**PERKARA :** Proses bayaran cukai pegangan hendaklah disertakan maklumat dan dokumen seperti berikut:

|                                                                                                                            |                                  | <b>Tick dan lampirkan mana yang berkenaan</b> |                          |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------|-----------------------------------------------|--------------------------|
| <b>INDIVIDU</b>                                                                                                            | <b>SYARIKAT</b>                  | <b>Semakan JFPIU</b>                          | <b>Semakan Bendahari</b> |
| a) Nama penuh individu                                                                                                     | Nama penuh syarikat              | <input type="checkbox"/>                      | <input type="checkbox"/> |
| b) Alamat penuh individu                                                                                                   | Alamat penuh syarikat            | <input type="checkbox"/>                      | <input type="checkbox"/> |
| c) Nombor passport dan salinan passport                                                                                    | Nombor pendaftaran syarikat      | <input type="checkbox"/>                      | <input type="checkbox"/> |
| d) Nombor cukai pendapatan Malaysia (sekiranya ada)                                                                        | Nombor cukai pendapatan Malaysia | <input type="checkbox"/>                      | <input type="checkbox"/> |
| e) Surat pelantikan individu                                                                                               | Surat Setuju Terima              | <input type="checkbox"/>                      | <input type="checkbox"/> |
| f) Maklumat Kadar Bayaran                                                                                                  | Inbois Pembekal                  | <input type="checkbox"/>                      | <input type="checkbox"/> |
| g) Surat kelulusan individu daripada Jabatan Ketua Menteri (Bagi penghibur awam tidak pemastautin dan penceramah jemputan) |                                  | <input type="checkbox"/>                      | <input type="checkbox"/> |
| h) Salinan Telegraphic Transfer (T.T.) (Disediakan oleh Sektor Pengurusan Bayaran)                                         |                                  | <input type="checkbox"/>                      | <input type="checkbox"/> |
| <b>TERPAKAI UNTUK KADAR PERJANJIAN PENGELAKKAN PERCUKAIAN DUA KALI (PPPDK) (OPTIONAL)</b>                                  |                                  |                                               |                          |
| a) Sijil Pengesahan Status Pemastautin dari Pihak Berkuasa Hasil                                                           |                                  | <input type="checkbox"/>                      | <input type="checkbox"/> |

| Diisi oleh JFPIU                                                                                                                                                                                                                            | Diisi oleh Bendahari                                                                                                                                                                                                            | Diisi oleh Unit Pengurusan Cukai dan GST                                                                                |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <input type="checkbox"/> Cukai pegangan dipotong dari bayaran<br><input type="checkbox"/> Cukai pegangan ditanggung oleh PTJ<br><input type="checkbox"/> Kod Peruntukan<br>Butir-butir Disahkan oleh:<br><br>(Tandatangan & Cop)<br>Tarikh: | <input type="checkbox"/> Dokumen lengkap untuk diproses<br><input type="checkbox"/> Dokumen dikembalikan kepada pemohon kerana:<br>_____<br>_____<br>Butir-butir Disemak & Disahkan oleh:<br><br>(Tandatangan & Cop)<br>Tarikh: | <input type="checkbox"/> Dokumen lengkap untuk diproses<br><br><br>Diterima oleh:<br><br>(Tandatangan & Cop)<br>Tarikh: |